

## **KEFAHAMAN AMANAH MENURUT PERSPEKTIF AL-SUNNAH: ANALISIS KEFAHAMAN KAKITANGAN PEKERJA DI PEJABAT AGROBANK WILAYAH JOHOR/MELAKA**

Hamzah Bin Omar, Nik Farhan Binti Mustapha, Muhammad Faiz Mukmin Bin Abdul Mutalib,  
Farah 'Adilah Binti Mohd Nor

### **ABSTRAK**

Kajian ini adalah untuk mengkaji kefahaman aplikasi amanah di kalangan kakitangan pekerja menurut perspektif al-sunnah. Dengan menggunakan kaedah kuantitatif, pengkaji mengkaji kefahaman kakitangan pekerja di Pejabat Agrobank Wilayah Johor/Melaka terhadap konsep amanah menurut perspektif al-sunnah. Pengkaji telah membuat kesimpulan bahawa kakitangan memahami aplikasi amanah secara menyeluruh dan menyatakan beberapa saranan dan cadangan. Semoga kajian ini dapat memberikan impak positif kepada kakitangan pekerja lain untuk lebih memahami dan mendalami tentang konsep amanah dalam pekerjaan, seterusnya mengamalkan dan mengambil nilai amanah sebagai tunjang utama dalam pengamalan kehidupan seharian.

### **1 PENDAHULUAN**

Islam adalah agama yang mulia dan menekankan nilai murni yang mulia. Islam juga menuntut kita bersifat amanah. Islam mengajar kita untuk mempunyai akhlak yang baik dan murni. Allah telah mengutuskan Rasulullah s.a.w kepada kita untuk mengajar dan memberi petunjuk mengenai akhlak yang mulia dan terpuji. Terdapat banyak ayat al-Quran yang menjelaskan tentang amanah dalam al-Quran begitu juga tentang kemurkaan Allah s.w.t terhadap sifat tidak jujur dan amanah. Begitu juga dalam hadith yang diriwayatkan oleh Rasulullah s.a.w tentang amanah.

Amanah berasal daripada perkataan Arab, amanah yang bermaksud aman, terselamat dan harmonis. Amanah dengan kata lain adalah tanggungjawab yang diterima oleh seseorang yang kepadanya diberikan kepercayaan bahawa ia dapat melaksanakannya sebagaimana yang dituntut, tanpa mengabaikannya. (JAKIM, 2009). Manakala menurut kamus Dewan Bahasa dan Pustaka Edisi Keempat (2010) amanah bermaksud kepercayaan, yang boleh dipercayai, jujur dan seseorang yang memegang tanggungjawab dan menguruskannya serta melaksanakannya.

“Amanah itu perlu dipikul oleh orang yang iltizam hubungannya dengan Allah s.w.t melalui solat yang didirikan. Konsep amanah menjadi tonggak utama dalam segala aspek. Mengikut perspektif Islam, semua urusan di dunia bukan hanya dikawal oleh undang-undang dan peraturan yang zahir sahaja tetapi dalam masa yang sama ianya dikawal oleh hati yang amanah dan tanggungjawab kepada Allah”. (Dr. Zulkifli, 2007)

Manakala bekerja dalam Islam adalah satu tuntutan dan satu keperluan. Jika kerja itu menepati syarat tertentu, bekerja itu menjadi satu ibadah yang dituntut oleh Allah s.w.t. Dan seharusnya

dilaksanakan dengan penuh jujur, amanah dan bertanggungjawab, ‘amanah’ yang ditunaikan dengan baik itu dibalas dengan balasan baik di akhirat nanti. Secara tidak langsung, kerja yang dilaksanakan sebagai tanggungjawab ini juga menjadi tugas dan kewajipan.

Terdapat beberapa permasalahan yang timbul dan wujud dalam melaksanakan tugas yang telah diamanahkan. Antara permasalahan yang dibincangkan dalam kajian ini adalah kurang memahami maksud sebenar amanah dalam diri individu untuk menjalin hubungan yang baik antara pekerja.

Zainab Aman & Khairunnisa menyatakan bahawa wujudnya fenomena kurangnya daya saing dan pekerja tidak bekerja bersungguh-sungguh dalam kalangan kakitangan sokongan Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (Zainab Aman, 2015). Selain itu, menurut Sharifah Hayaati dalam bukunya, Datuk Seri Dr. Fong menyatakan isu yang ditekankan terhadap pekerja adalah sikap enggan bekerja keras, tidak mahu menambah usaha terutamanya melalui kerja lebih masa dan seolah-olah perhatian lebih kepada keseronokan (Hayaati, 2010).

Selain itu, menggunakan peralatan dan kemudahan pejabat seperti telefon, komputer, mesin fotokopi, pencetak dan lain-lain untuk kepentingan peribadi. Utusan Online (2015) menyatakan bahawa pada masa kini, ramai insan menggunakan harta syarikat, harta pejabat, harta negara dan sebagainya untuk kegunaan peribadi (Utusan, 2015). Harian Metro (2017) juga menyatakan bahawa ada dalam kalangan kakitangan sektor awam yang mengambil kesempatan menggunakan masa dan peralatan di pejabat untuk kepentingan peribadi (Metro, 2017).

Permasalahan yang seterusnya dipetik daripada Sinar Harian yang ditulis oleh Dr Asyraf Wajdi Dusuki menyatakan bahawa ramai pekerja yang tidak segan silu dalam melakukan perbuatan curang seharian (Harian, Amanah Bekerja Bawa Berkat, 2013). Curang yang dimaksudkan adalah sikap tidak amanah seperti curi tulang, kerja sambal lewa, menipu kedatangan, buat kerja sampingan yang tidak memenuhi kontrak pekerjaan sebagaimana termeterai dengan majikan.

Justeru itu, pengkaji tertarik untuk melakukan kajian ini berkenaan kefahaman kakitangan pekerja di Pejabat Agrobank Wilayah Johor/Melaka terhadap konsep amanah menurut hadis-hadis yang berkaitan.

## **2.1 KEFAHAMAN TERHADAP AMANAH: TINJAUAN MENURUT ETIKA BARAT DAN ISLAM**

Setiap agama mempunyai sistem etika dan moral yang tersendiri dalam menentukan baik dari buruk, halal dan haramnya sesuatu perkara mahupun tindakan. Agama Islam mempunyai perundangan yang tersendiri. Ia menyebabkan syarat yang telah diwahyukan oleh Allah s.w.t kepada Nabi Muhammad s.a.w. Syariat ini telah menetapkan apa yang halal, haram dan sebagainya. Contohnya, Islam telah mengharamkan zina dan riba, sebaliknya Islam telah halalkan perkahwinan dan jual beli dengan kaedah yang betul. Begitu juga dalam agama lain seperti agama Hindu yang mengharamkan penganutnya memakan daging lembu kerana binatang tersebut dianggap suci. Kristian dan Yahudi turut mengharamkan jenayah mencuri, merompak, seks bebas dan perjudian. Hal ini demikian kerana sistem etika dan moral yang

wujud ini kebanyakan tamadun dapat dibentuk dan semuanya mempunyai sistem kepercayaan terhadap agama masing-masing.

Etika atau *ethics* merupakan perkataan Bahasa Inggeris yang berasal dari Bahasa Greek iaitu '*etikos*' yang membawa maksud moral dan '*ethos*' bermaksud sikap atau adat. Tamadun dahulu membina etika dalam masyarakat dengan memperkenalkan undang-undang yang wajib dipatuhi oleh setiap individu. Antara peraturan yang mula-mula wujud bagi mendidik masyarakat adalah Kod Hamurabbi yang dikuatkuasakan oleh Raja Babylon yang ke-6 dengan mengandungi 282 undang-undang. Perkara ini secara tidak langsung mendidik masyarakat pada zaman itu untuk beretika dalam menjalani kehidupan seharian sebagaimana peraturan yang menyatakan bahawa orang yang kuat tidak boleh menindas orang yang lemah.

Etika berasal daripada perkataan Greek, "*ethos*" bermakna ciri-ciri ataupun kebiasaan. Kebiasaan ini yang menentukan ciri-ciri, sementara ciri-ciri individu pula menentukan bahawa ia adalah seorang yang baik ataupun sebaliknya. Peraturan masyarakat turut menghadkan dan menentukan baik atau buruk tingkah laku seseorang yang dikenali sebagai akhlak iaitu asas kepada etika. (Sabri, 2001)

Manakala menurut kamus Dewan Bahasa dan Pustaka edisi ke-4, etika didefinisikan sebagai prinsip-prinsip akhlak atau moral atau prinsip moral (atau akhlak) atau nilai-nilai akhlak yang menjadi pegangan seseorang individu atau sesuatu kumpulan. Ia juga membawa maksud nilai dan garis panduan yang harus dipatuhi.

## **2.2 ETIKA KERJA MENURUT PERSPEKTIF BARAT DAN ISLAM**

Etika kerja secara umum boleh diertikan dengan peraturan kerja, tatacara kerja, dan adat kerja. Etika kerja menurut barat adalah teori etika kerja berkaitan teori kemoralan yang diambil pada asalnya dari teori kemoralan Yunani yang banyak membicarakan atas tajuk moral dan etika berkelakuan. Kemudian, diperincikan lagi dalam perbincangannya dalam etika berkelakuan dalam alam pekerjaan. (Razaleigh, 2015)

Etika kerja juga lebih menumpukan kepada beberapa teori, antaranya adalah teori Utilitarian yang menerapkan nilai '*Machavellian*' iaitu matlamat menghalalkan cara, teori Duty (tanggungjawab) yang membawa maksud golongan yang tidak percaya akan kesan dan akibat. Mereka hanya bergantung kepada akal dan keintelektualan semata-mata. Selain itu, teori Hak Asasi, ia bermaksud semua manusia inginkan kebebasan dan kemakmuran sendiri. Seterusnya adalah teori Egoisme bermakna ia meletakkan kepentingan diri sendiri sebagai prinsip dan panduan dalam perlakuan. Golongan ini juga melakukan perbuatan yang memberi manfaat dan tidak mendatangkan kerugian kepada mereka. Begitu juga dengan teori Hedonisme yang bermaksud segala perbuatan yang mendatangkan keseronokan dan kenikmatan adalah baik dan beretika.

Etika kerja dari sudut pandangan Timur seperti di Jepun boleh diertikan dengan konsep *Kaizen*. *Kaizen* merupakan budaya kerja orang Jepun yang diterapkan dalam setiap organisasi dan syarikat-syarikat Jepun. Hal ini demikian kerana konsep *Kaizen* ini sangat penting bagi mereka dalam meningkatkan mutu kerja, penciptaan inovasi, pengurusan kerja yang efektif dan sentiasa bersedia ketika berhadapan dengan pesaing. Di Jepun, setiap organisasi dan syarikat-syarikatnya sentiasa memastikan kualiti, mutu dan produktiviti untuk mencapai sasaran, pengurusan masa, mengaplikasikan sistem 5S (*Seiri, Seiton, Seiso, Seiketsu dan Shitsuke*), pengurusan aduan yang sistematik dan konsep *rin-gi*.

Etika kerja dari sudut pandangan Islam pula, etika ini berkait rapat dengan akhlak kerana satu sifat atau sikap keperibadian yang melahirkan tingkah laku perbuatan manusia dalam usaha membentuk kehidupan yang sempurna berdasarkan kepada prinsip-prinsip yang telah ditetapkan oleh Allah s.w.t. Sebagaimana sabda Rasulullah s.a.w: “Siapakah orang mukmin yang paling afdhal mempunyai kelebihan imannya? Jawab Baginda: “Orang yang paling baik akhlaknya”. Selain itu, akhlak juga didefinisikan agama seperti terbukti dalam sebuah hadis, “apakah ad-Din itu Rasulullah? Jawab Rasulullah s.a.w: “ad-Din itu adalah akhlak yang baik”. Etika Islam memiliki pandangan yang jauh ke hadapan dengan berteraskan dua ciri utama, iaitu: etika Islam tidak menentang fitrah manusia dan etika Islam amat rasionalistik. Akhlak dalam Islam menjadi penghubung yang erat dengan fenomena keimanan seseorang Islam. (Zalikhah & Faridah)

Islam telah menggariskan beberapa panduan bagi menjamin kejayaan dan kecemerlangan sesebuah organisasi. Dalam Islam, sekiranya seseorang individu mahupun secara berkumpulan melakukan sesuatu pekerjaan dianggap sebagai ibadah dengan memenuhi beberapa syarat. Sebagai contoh, niat kerana Allah s.w.t, menunaikan tanggungjawab asas, menanam sifat mulia dalam diri, serta bekerja dengan ikhlas dan amanah. Ikhlas dan amanah adalah kunci dalam sesebuah organisasi untuk lebih mudah mencapai kejayaan apabila kedua-duanya telah disemat dalam diri setiap pekerja. Selain itu, Islam juga menganjurkan supaya setiap individu dalam sesebuah organisasi haruslah saling melengkapi sesama pekerja dengan semangat kerjasama berpasukan.

Amanah secara etimologis dari bahasa Arab dalam bentuk *mashdar* dari (*amina-amanatan*) yang bererti dapat dipercayai. Amanah menurut pengertian terminologi (istilah) terdapat beberapa pendapat, diantaranya menurut Ahmad Musthafa Al-Maraghi, amanah adalah sesuatu yang harus dipelihara dan dijaga agar sampai kepada yang berhak memilikinya. Manakala, menurut Ibn Al-Araby, amanah adalah segala sesuatu yang diambil dengan izin pemiliknya atau sesuatu yang diambil dengan izin pemiliknya untuk diambil manfaatnya. (Nurzatil Ismah & et. al, 2017)

Ahmad Musthafa Al-Maraghi membahagikan amanah kepada tiga iaitu amanah manusia terhadap Tuhan dengan melaksanakan dan taat kepada perintah Allah s.w.t dan meninggalkan semua laranganNya, amanah manusia terhadap orang lain dan amanah manusia terhadap diri sendiri. tiga aspek ini sangat penting untuk dipelihara oleh umat manusia. Justeru itu, Islam menganjurkan sifat amanah supaya manusia melaksanakan hak kepada Allah s.w.t dan tidak melampaui batas. Amanah dan Islam tertumpu pada tanggungjawab yang diserahkan kepadanya dan bertanggungjawab juga di hadapan tuhanNya. (Nurzatil Ismah & et. al, 2017)

### 3. HADIS-HADIS BERKAITAN AMANAH DI DALAM SAHIH BUKHARI

*Sahih Bukhari* mempunyai keistimewaan yaitu terletak pada status hadithnya yang berdarjat sahih. Imam Bukhari pernah menegaskan: “Aku tidak memasukkan dalam kitab *sahihku* melainkan hadis yang *sahih* sahaja”.

Imam Ahmad bin Hanbal, Ibn al-Madini dan Yahya bin Main menganggap bahawa *Sahih Bukhari* adalah baik dan hadis yang terkandung di dalamnya adalah *sahih*. Keistimewaan kedua pada kitab Imam al-Bukhari ini ialah karyanya yang memfokuskan kepada *Fiqh al-Hadith*. Hadis-hadis yang *sahih* dalam kitab ini adakalanya berulang bagi memenuhi kehendak bab dan disesuaikan dengan *istinbat* hukum hakam. Adakalanya ayat al-Quran turut diletakkan dalam karyanya, fatwa sahabat dan tabiin. Keadaan ini menjelaskan bahawa Imam al-Bukhari amat mementingkan *Fiqh al-Hadith*.

Imam Bukhari memperuntukkan satu bahagian khusus yang memuatkan hadith berkaitan ‘amanah’ dan dinamakan dengan *Bab Raf’ il Amanah* di dalam *Kitab al-Riqaq* (kelembutan yang berkait dengan hati atau jiwa) yang mengandungi dua buah hadith. Manakala bab lain yang memuatkan perkataan amanah ialah *Kitab al-Ilm* iaitu satu hadith, *Kitab al-Syahadah* terkandung satu hadith, *Kitab Jihad wa as-Siyar* mengandungi satu hadith yang panjang, *Kitab al-Fitan* diwakili satu hadith, *Kitab Wasaya* mengandungi satu hadith dan diakhiri dengan *Kitab al-Maghazi* yang mengandungi satu hadith. (Faisal & Hanafi, 2017).

#### 2.3.1 Nilai Amanah Penyempurna Keimanan

Hadis no. 6497

عن زيد بن وهب حدثنا حذيفة قال: حدثنا رسول الله صلى الله عليه وسلم حديثين رأيت أحدهما وأنا أنتظر الآخر حدثنا أنّ الأمانة نزلت في جذر قلوب الرجال ثم علموا من القرآن ثم علموا من السنة وحدثنا عن رفعها قال ينام الرجل النومة فتقبض الأمانة من قلبه فيظل أثرها مثل أثر الوكت ثم ينام النومة فتقبض فيبقى أثرها مثل الجمل كحجر دحرجته على رجلك فنفض فتراه منتبهاً وليس فيه شيء فيصبح الناس يتبايعون فلا يكاد أحد يؤدّي الأمانة فيقال إن في بني فلان رجلاً أميناً ويقال للرجل ما أعقله وما أظرفه وما أجلده وما في قلبه مثقال حبة خردلٍ من إيمانٍ ولقد أتى عليّ زمان وما أبالي أيكم بايعت لئن كان مسلماً ردّه عليّ الإسلام وإن كان نصرانياً ردّه عليّ فأما اليوم فما كنت أباع إلا فلانا وفلاناً.

(*Sahih al-Bukhari, Kitab al-Riqaq, Bab Raf’ il Amanah*, no. hadis 6497 daripada Zayd bin Wahab)

Maksudnya:

“Dari Zayd bin Wahab telah menceritakan kepada kami bahawa Hudhaifah telah berkata bahawa Rasulullah s.a.w telah bersabda melalui dua kejadian (peristiwa), satu daripadanya betul-betul aku melihatnya, dan satu lagi masih ku tunggu-tunggu, lalu beliau menceritakan kepada kami: “Di awal mula amanah diturunkan di dalam persada hati para hamba kemudian mereka memahami al-Quran dan memahami Sunnah”. Lalu Baginda s.a.w menceritakan kepada kami berkenaan dicabutnya amanah itu, Baginda s.a.w bersabda: “Seorang lelaki yang tidur nyenyak lalu amanah itu dicabut dari persada hatinya sehingga bekasnya bagaikan bekas jejak perjalanan, lalu dia tidur nyenyak lagi dan amanah itu dicabut kembali dan bekasnya bagaikan kudis di tangan, seperti bara api yang berterbangan di kakimu sehingga dapat dilihat meleceh walaupun sebenarnya tidaklah memberi apa-apa kesan. Maka terjadilah manusia itu berbondong-bondong berbaris berbaiat (mengikat janji) dan hampir tidak seorang pun menunaikan amanah (terhadap janji itu). Selanjutnya (meneruskan kata-katanya) pada bani (suku puak) si fulan bin si fulan ada seorang lelaki yang amanah, lalu dikatakan pada lelaki itu, alangkah bijaknya dia, alangkah pintarnya dia, alangkah beraninya dia, walhal tidak ada setitik iman pun di dalam hatinya walaupun sebesar biji sawi, dan sesungguhnya telah tiba zaman di mana tidak seorang pun dari kita yang peduli terhadap mengikat janji itu sendiri jika ia seorang Muslim maka ia akan menolak (mengembalikannya) kepada Islam, manakala jika ia seorang Nasrani, ia akan menolak (mengembalikannya) kepada pengurus urusannya. Sedangkan pada hari ini aku tidak akan membuat urusan jual beli melainkan dengan Si Anu bin Si Anu”.

Huraian hadis:

Selain daripada Imam Bukhari, hadith di atas turut diriwayatkan oleh Ibn Majah, *Kitab al-Fitan, Bab Dhihab al-Amanah*, no hadis 4053, Imam al-Tirmidhi dalam Sunannya, *Bab Ma Ja'a fi Raf'il Amanah*, no. hadis 2179.

Hadith tentang amanah ini menceritakan perihal luputnya amanah dari jiwa seseorang Muslim yang berpegang dengan al-Quran dan Sunnah Rasulullah s.a.w yang tentunya memberi kesan yang amat mendalam bagi keimanan seseorang. Al-Khatabi mengumpamakan amanah itu seperti ikatan janji (*bai'ah*) terhadap ketua negara (khalifah). Manusia yang membuat ikatan janji (*bai'ah*) itu jumlahnya amat ramai, namun begitu sangat sukar untuk mencari Muslim yang betul-betul amanah berpegang pada ikatan janjinya. Justeru, al-Khatabi menjelaskan lagi maksud ikatan janji (*bai'ah*) di dalam hadith Hudhaifah ini ialah perkara yang berkaitan dengan urusan jual beli. Pandangan ini turut disokong oleh Ibn Battal bahawa hadith di atas menerangkan *bai'ah* ketika melakukan transaksi jual beli, bukannya ber*bai'ah* kepada pemimpin.

Jika diperhatikan aturcara urusan jual beli itu sendiri, amat sukar untuk mengesan siapakah yang mengamalkan nilai amanah atau sebaliknya. Namun di penghujung teks hadith ini jelas menyebutkan bahawa nilai amanah itu tidak hilang bahkan terkawal menerusi agama, misalnya seorang Muslim tentu agamanya menghalangi diri dari berkhianat sehingga dia menunaikan

amanahnya. Manakala jika seorang Nasrani, ianya menolak (mengembalikannya) kepada pengurus urusannya sehingga amanah itu terlaksana.

Demikianlah betapa sukarnya untuk mengesan dan memastikan manusia yang mempunyai nilai amanah yang tinggi, sepertimana di hujung hadith *Kitab al-Riqaq* ini, Rasulullah s.a.w sendiri mengumpamakan manusia itu seperti unta yang berjumlah seratus ekor, tentu sekali seseorang akan sulit untuk menemukan mana satu unta yang paling baik untuk ditungganginya.

Hadith ini menekankan bahawa nilai amanah yang terbaik akan lahir kesan daripada iman seseorang yang berpegang teguh dengan al-Quran dan sunnah Rasulullah s.a.w. Selain itu, menunaikan amanah merupakan perintah utama agama Islam, nilai amanah ini merentasi seluruh agama yang ada di muka bumi ini dan sifatnya universal. Hadith di atas juga menunjukkan bahawa ikatan janji (*baiah*) yang sempurna ialah yang didasari oleh nilai amanah, hal ini termasuk di dalam urusan utama seperti baiat kepimpinan ataupun hal ehwal yang umum seperti *bai'ah* jual beli.

### 2.3.2 Amanah adalah Sifat Nabi

Hadis no. 2681

عن عبيد الله بن عبد الله بن عبد الله بن عباس رضي الله عنهما أخبره قال أخبرني أبو سفيان: أن هرقل قال له سألتك ماذا يأمركم فزعمت أنه أمركم بالصلاة والصدق والعفاف والوفاء بالعهد وأداء الأمانة قال وهذه صفة نبي.

(*Sahih al-Bukhari, Kitab al-Syahadah, Bab Man Amar bi Injaz al-Wa'di*, no. hadis 2681, daripada Ubaydullah bin'Abdullah)

Maksudnya:

Dari Ubaydullah bin 'Abdullah bin'Abbas r.a berkata, telah memaklumkan kepadaku oleh Abu Sufyan bahawa Raja Heraclius berkata kepadanya: "Aku telah bertanya kepadamu apa yang dia perintahkan kepada kalian, lalu engkau mendakwa dia telah memerintahkan kamu solat, bersedekah, menjauhkan diri dari berkelakuan buruk, menunaikan janji dan melaksanakan amanah". Lalu Heraclius berkata "ini adalah di antara sifat-sifat nabi".

Huraian hadith:

Imam al-Bukhari telah menyebutkan empat hadith mengenai kisah dari *Bab Man Amar bi Injaz al-Wa'di* (orang yang diperintahkan untuk menepati janji). Hadith pertamanya mengenai kisah

Ismail yang tersebut di dalam al-Quran yang menepati janjinya, hadith kedua mengenai janji Samurah bin Jundah yang memutuskan sesuatu perkara berdasarkan janji, dan hadith ketiga pula mengenai Miswar bin Makramah yang berkata aku mendengar Nabi s.a.w menyebutkan hal menantunya seraya bersabda: “Dia berjanji kepadaku dan telah menunaikan janjinya”.

Hadis di atas adalah hadith yang keempat, berkaitan dengan kisah Abu Sufyan dipanggil menghadap Raja Heraclus untuk menceritakan apakah ajaran yang dibawa oleh Nabi Muhammad s.a.w Ketika itu Abu Sufyan masih belum memeluk Islam. Antara penjelasan yang dibuat oleh Abu Sufyan mengenai ajaran Nabi Muhammad s.a.w adalah perintah mengerjakan solat, berlaku jujur, menjaga kehormatan diri, menepati janji dan menunaikan amanah. Ini bermakna nilai amanah adalah menjadi nilai teras ajaran baginda Rasulullah s.a.w. Di samping itu, nilai-nilai lain yang disebutkan itu nilai amanah yang merupakan amalan junjungan yang mulia. Di akhir hadis ini, Raja Heraclus memperakui nilai-nilai yang disebutkan oleh Abu Sufyan itu adalah sifat-sifat seorang nabi yang hakiki.

Hadis ini disambung oleh Imam Bukhari dalam bab tanda-tanda *Munafiq* iaitu ancaman kepada orang yang tidak amanah dianggap sebagai pengkhianat kerana tidak menunaikan janji-janjinya. Ibn Battal ketika menjelaskan riwayat di atas turut membawa sepotong hadis yang masyhur iaitu salah satu tanda manusia *Munafiq* adalah mengkhianati amanah yang diberikan. Apabila meneliti hadis tersebut, didapati bahawa nilai amanah merupakan nilai utama kerasulan Nabi Muhammad s.a.w. Selain itu, nilai ini merupakan amalan yang dipraktikkan dalam kehidupan Nabi s.a.w yang mulia selain daripada ibadah solat, bersedekah, menjauhkan diri daripada berkelakuan buruk dan menunaikan janji. Bahkan Nabi Muhammad s.a.w sendiri terkenal dengan sifat al-Amin (yang amanah) dalam melaksanakan janjinya. Nabi s.a.w menunaikan segala janjinya dengan begitu cermat sekali, bahkan dalam sepotong hadis yang masyhur baginda s.a.w meletakkan mengkhianati amanah sebagai salah satu ciri orang *Munafiq*. Sabda baginda s.a.w: “Dari Abu Hurayrah r.a berkata, dari Nabi s.a.w bersabda: “Tanda-tanda orang *Munafiq* ada tiga, berbohong apabila bercakap, mungkir janji apabila berjanji dan mengkhianati amanah apabila diberi amanah”.

### 2.3.3 Amanah itu Nilai Teras Islam

Hadis no. 2941

حدثنا إبراهيم بن همزة حدثنا إبراهيم بن سعد عن صالح بن كيسان عن ابن شهاب عن عبيد الله بن عبد الله بن عتبة عن عبد الله بن عباي رضي الله عنهما أنه أخبره أن رسول الله صلى الله عليه وسلم كتب إلى قيصر يدعو إلى الإسلام... وسألتك بماذا يأمركم فزعمت أنه يأمركم أن تعبدوا الله ولا تشركوا به شيئاً وينهاكم عما كان يعبد آباؤكم ويأمركم بالصلاة والصدقة والعفاف والوفاء بالعهد وأداء الأمانة قال وهذه صفة النبي قد كنت أعلم أنه خارج ولكن لم أظن أنه منكم وإن يك ما قلت حقا



فيوشك أن يملك موضع قدمي هاتين ولو أرجو أن أخلص إليه لتجشمت لقيّة ولو كنت عنده لغسلت  
قدميه...

(*Sahih al-Bukhari, Kitab al-Jihad wa al-Siyar, Bab Dua' al-Nabi Sallallahu Alayhi wa Sallam al-Nas ila al-Islam*, no. hadis 2941, daripada Ibn 'Abbas r.a.)

Maksudnya:

Ubaydullah bin 'Abdullah bin 'Utbah dari 'Abdullah bin 'Abbas r.a mengkhabarkan bahawa Rasulullah s.a.w menulis surat kepada Kaisar (Raja Rom) yang isi suratnya mengajak agar memeluk Islam... "Dan ketika aku bertanya kepadamu: "Apakah yang dia perintahkan kepada kalian?" Kamu menjawab: "Dia memerintahkan kalian agar beribadah kepada Allah s.w.t dengan tidak menyekutukannya dengan sesuatu apapun dan melarang kalian dari apa yang disembah oleh nenek moyang kalian dan dia memerintahkan kalian untuk mendirikan solat, bersedekah, bersifat jujur, menunaikan janji dan memenuhi amanah." Raja berkata: "Itulah sifat-sifat seorang Nabi. Sungguh aku sudah mengetahui bahawa nabi terakhir telah muncul tapi aku tidak menyangka kalau dia datang dari kalian (Quraisy). Seandainya apa yang kamu ucapkan itu benar, sungguh dia akan menguasai tanah yang sekarang berada di bawah kedua tapak kakiku ini dan seandainya aku ada harapan untuk berjumpa dengannya pasti aku mengharuskan diriku untuk menemuinya dan seandainya aku sudah berada di hadapannya pasti aku akan basuh kedua tapak kakinya."...

Huraian hadith:

Hadith di atas menceritakan kisah Abu Sufyan bin Harb, salah seorang pembesar Quraisy yang ketika itu masih belum memeluk Islam berhadapan dengan raja Rom. Beliau telah diundang raja Rom bernama Heraclus bersama-sama pembesar Rom yang lain untuk bertandang ke istana. Tujuannya Heraclus ialah ingin mendapatkan maklumat tentang peribadi Nabi Muhammad SAW.

Berdasarkan hadis tersebut, sebenarnya para pembesar Rom itu termasuklah Raja Heraclus yang beragama Nasrani itu sudah mengetahui secara terperinci tentang kebangkitan nabi di akhir zaman, tetapi mereka tidak puas menyangka nabi akhir zaman itu muncul dalam kalangan orang Arab pada ketika itu terkenal dengan istilah badwi (kekampungan) serba ketinggalan dan tidak punya tamadun berbanding dengan bangsa Rom.

Abu Sufyan bin Harb sendiri merasa tercabar dan tidak senang dengan apa yang berlaku, baginya Muhammad s.a.w tidak istimewa dalam kalangan bangsa Arab dan dia semakin hairan kenapa Raja Heraclus bersama pembesarnya sibuk bertanyakan hal Nabi Muhammad s.a.w sehingga kepada ajaran apa yang dibawa oleh Nabi Muhammad s.a.w. Terdetik di hati Abu Sufyan bin Harb untuk berbohong dan ini masanya untuk menjatuhkan Muhammad s.a.w, akan tetapi nalurnya kuat untuk berterus terang kerana bimbang ditakuti dia menjadi sasaran tuduhan pembesar Arab yang lain bahawa dia adalah kaki pembohong. Lebih ditakuti beliau,

sebahagian pengikut dan pengiringnya yang turut serta bertandang ke istana Romawi itu akan berpaling tadah lalu menyatakan dia adalah pembesar Arab yang kuat berbohong.

Apabila diteliti kembali setiap soalan dan pertanyaan daripada Raja Heraclus itu ternyata bahawa Nabi Muhammad s.a.w itu memang seorang utusan Allah dan merupakan nabi akhir zaman. Walaubagaimanapun, perkara yang jelas dan menjadi sebahagian inti utama dalam dialog antara Raja Rom dan Abu Sufyan itu adalah betapa tingginya nilai amanah sehingga amanah diiktiraf sebagai sebahagian sifat-sifat keistimewaan Nabi Muhammad s.a.w dan ajarannya, bahkan sifat ini merupakan nilai teras utama yang wajib menjadi amalan secara berterusan kepada umat Islam keseluruhannya.

### 2.3.4 Amanah Nilai Teras Keutuhan Peribadi

Hadis no. 7086

حَدَّثَنَا حذيفة قال: حَدَّثَنَا رسول الله صلى الله عليه وسلم حديثين رأيت أحدهما وأنا أنتظر الآخر حَدَّثَنَا أَنَّ الأمانة نزلت في جذر قلوب الرجال ثم علموا من القرآن ثم علموا من السنة وحَدَّثَنَا عن رفعها قال ينام الرجل النوم فتقبض الأمانة من قلبه فيظل أثرها مثل أثر الوكت ثم ينام النوم فتقبض فيبقى فيها أثرها مثل أثر المحل كحجر دحرجته على رجلك فنفظ فتراه منتبرا وليس فيه شيء ويصبح الناس يتبايعون فلا يكاد أحد يؤدي الأمانة فيقال إنَّ في بني فلان رجلا أميناً ويقال للرجل ما أعقله وما أظرفه وما أجلده وما في قلبه مثقال حبة خردل من إيمان ولقد أتى عليّ زمان ولا أبالي أيكم بايعتُ لئن كان مسلماً ردّه عليّ الإسلام وإن كان نصرانياً ردّه عليّ ساعيه وأما اليوم فما كنت أبايع إلا فلانا وفلانا.

(*Sahih al-Bukhari, Kitab al-Fitan, Bab Idha Baqa' fi Huthalat al-Nas*, no. hadis 7086, daripada Hudhaifah r.a)

Maksudnya:

Hudhaifah telah berkata bahawa Rasulullah s.a.w. telah bersabda melalui dua peristiwa, satu daripadanya telah betul-betul aku melihatnya, dan satu lagi masih ku tunggu-tunggu, lalu beliau menceritakan kepada kami: “Di awal mula amanah diturunkan di dalam persada hati para hamba kemudian mereka memahami al-Quran dan memahami al-sunnah”. Lalu Baginda s.a.w. menceritakan kepada kami berkenaan dicabutnya amanah itu, Baginda s.a.w. bersabda: “Seseorang lelaki yang tidur nyenyak lalu amanah itu telah dicabut dari persada hatinya sehingga bekasnya bagaikan bekas jejak perjalanan, lalu dia tidur nyenyak lagi dan amanah dicabut kembali dan bekasnya bagaikan kudis di tangan, seperti bara api yang berterbangan di kakimu sehingga dapat dilihat berbelak-belak walaupun sebenarnya tidaklah memberi apa-apa kesan. Maka terjadilah manusia itu berbondong-bondong berbaris berbai'at (mengikat janji)

dan nyaris-nyaris tidak seorang pun menunaikan amanah (terhadap janji). Selanjutnya pada bani (suku puak) si fulan bin si fulan ada seorang lelaki yang amanah, lalu dikatakan kepada lelaki itu, alangkah bijaknya dia, alangkah pintarnya dia, alangkah beraninya dia, walhal tidak ada setitik iman pun di dalam hatinya walaupun sebesar biji sawi, dan sesungguhnya telah tiba zaman di mana tidak seorang pun dari kita yang peduli terhadap bai'at itu sendiri (mengikat janji) jika ia seorang Muslim maka ia akan menolak (mengembalikannya) kepada agama Islam, manakala jika seorang Nasrani ia akan menolak (mengembalikannya) kepada pengurus urusannya. Sedangkan pada hari ini aku tidak akan membuat urusan jual beli melainkan dengan si Anu bin si Anu.

Huraian hadith:

Teks hadis ini adalah sama seperti di dalam *Kitab al-Riqaq*, dalam turutan kedua perbahasan ini, iaitu no. hadis 6497 yang membicarakan soal nilai amanah namun jika diteliti dari perbahasan dan huraian fiqh hadithnya terdapat beberapa pendapat dalam kalangan ulama hadith mengenai *ta'liq* (ulasan) hadis ini. Hadith dari Hudhaifah r.a menceritakan bahawa nilai amanah semakin hari semakin berkurangan dalam kalangan manusia. Pada zaman permulaan Islam (zaman kerasulan), nilai amanah begitu tinggi kerana kefahaman sahabat yang amat mendalam terhadap al-Quran dan Sunnah dan hampirnya mereka dengan Nabi Muhammad s.a.w. Namun zaman berlalu dan manusia sudah lalai dan mula mengabaikan kepentingan amanah. Perumpamaan yang diberikan oleh Hudhaifah r.a bahawa nilai amanah itu semakin hilang seumpama seorang lelaki yang tidur nyenyak lalu dicabut amanah itu dari hatinya. Hudhaifah r.a yang masih hidup di zaman khalifah Abu Bakar al-Siddiq, Umar al-Khattab dan Uthman bin Affan merasakan ikatan setia (*bai'ah*) kepada kepimpinan semakin berkurangan, kesan daripada peralihan kepimpinan dan timbulnya sifat khianat iaitu lawan kepada sifat amanah. Abu 'Ubayd dalam menjelaskan hadis ini berpendapat bahawa itulah yang dimaksudkan oleh Hudhaifah mengenai (*mubaya'ah*) ikatan setia kepimpinan.

Ibn 'Arabi pula berpendapat amanah yang dimaksudkan dalam hadis Hudhaifah ini ialah yang bersangkutan dengan iman. Menurutnya, nilai amanah itu tidak nampak melalui zahir anggota sepertimana iman yang lebih berkaitan dengan iktikad (kepercayaan) yang tidak boleh dinilai dari mata kasar manusia. Ibn al-Tin juga sealiran dengan pendapat Ibn 'Arabi dengan menyatakan bahawa sifat amanah itu adalah sesuatu yang tersembunyi, sukar untuk diketahui bahkan yang mengetahuinya hanyalah Allah s.w.t. Hadith ini menjelaskan sifat amanah mempunyai hubungkait yang kuat dengan iktikad dan keimanan seseorang Muslim. Kekuatan pengurusan kepimpinan dan keutuhan peribadi antaranya merujuk kepada nilai amanah kerana ianya merupakan faktor kekuatan dan kelemahan seseorang individu khususnya pemimpin. Manakala khianat merupakan musuh kepada amanah, nilai *mazmumah* inilah yang mampu meruntuhkan ikatan setia kepada seorang pemimpin dan sekaligus mampu merosakkan iman dan iktikad Muslim.

### 2.3.5 Amanah Nilai yang Holistik

Hadis no. 7276

عن زيد بن وهب سمعت حذيفة يقول حدثنا رسول الله صلى الله عليه وسلم أن الأمانة نزلت من السماء في جذر قلوب الرجال ونزل القرآن فقرأوا القرآن وعلموا من السنة.

(*Sahih al-Bukhari, Kitab Al-‘Iktisam bi al-Kitab wa al-Sunnah, Bab Iqtida bi Sunan Rasul Sallallahu Alayhi Wa Salam*, no, hadis 7276, daripada Zayd bin Wahb)

Maksudnya:

Dari Zayd bin Wahb, aku mendengar Hudhaifah berkata bahawa Rasulullah s.a.w telah bersabda berkenaan dengan amanah turun dari langit ke persada hati lelaki dan al-Quran turun lantas mereka membaca al-Quran dan memahami al-sunnah.

Huraian hadith:

Hadith ini disampaikan oleh Hudhaifah, hadis kelima dalam perbincangan ini iaitu di dalam *Bab Idha Baqa fi Huthalati min al-Nas*.

Dalam hadis ini menjelaskan bahawa al-Quran dan al-sunnah merupakan sumber utama rujukan umat Islam. Manakala al-sunnah berperanan sebagai penerang dan penjelas kepada isi kandungan al-Quran.

*Sahih Muslim* merupakan kitab yang mengandungi hadis-hadis sahih selain *Sahih al-Bukhari*. *Sahih Muslim* yang berada pada kedudukan kedua selepas *Sahih al-Bukhari*. Antara kelebihan *Sahih Muslim* ialah tiadanya mengulangan hadith sebagaimana yang banyak ditemui dalam *Sahih al-Bukhari*. Begitu juga Imam Muslim tidak meriwayatkan hadis daripada perawi yang dusta atau lalai.

Terdapat tiga matan (teks) hadis dalam kitab *Sahih Muslim* yang merujuk kepada perkataan ‘amanah’ berkaitan dengan individu pekerja dan majikan. Imam Muslim turut memperuntukkan satu bab khusus yang memuatkan sebuah hadith berkaitan ‘amanah’ iaitu *Kitab al-Iman* di dalam *Bab Raf’ il Amanah wa al-Iman min Ba’d al-Qulub wa ‘Ard al-Fitan ‘ala Qulub*. Manakala kitab lain yang memuatkan perkataan amanah ialah *Kitab al-Iman Bab Adna Ahl al-Jannah Manzilatun fiha* dan *Kitab al-Imarah, Bab Karahah al-Imarah bi Ghayri Darurah*.

### **2.3.6 Amanah merupakan Taklif kepada setiap Muslim**

عن الأعمش عن زيد بن وهب عن حذيفة قال: حدّثنا رسول الله صلى الله عليه وسلم حديثين قد رأيت أحدهما وأنا أنتظر الآخر حدّثنا أنّ الأمانة نزلت في جذر قلوب الرجال ثم نزل القرآن فعملوا من القرآن وعلموا من السنة ثم حدّثنا عن رفع الأمانة قال ينام الرجل النومة فتقبض الأمانة من قلبه فيظل أثرها مثل الوكت ثم ينام النومة فتقبض الأمانة من قلبه فيظل أثرها مثل الجمل كجمر دحرجته على رجلك فنفظ فتراه منتبراً وليس فيه شيء ثم أخذ حصي فدحرجه على رجله فيصبح الناس يتبايعون لا يكاد أحد يؤدّي الأمانة حتّى يقال إنّ في بني فلان رجلاً أميناً حتى يقال للرجل ما أجلده ما أظرفه ما أعقله وما في قلبه مثقال حبة من خردل من إيمان ولقد أتى عليّ زمانٌ وما أبالي أيّكم بايعتُ لئن كان مسلماً ليردّنه عليّ دينه ولئن كان نصرانياً أو يهودياً ليردنه عليّ ساعيه وأما اليوم فما كنت لأبائع منكم إلا فلانا وفلانا

(Sahih Muslim, Kitab al-Iman, Bab Raf'il Amanah wa al-Iman Min Ba'd al-Qulub wa 'Ard al-Fitan 'ala Qulub, no. hadis: 230, daripada al-A'mash bin Zayd)

Maksudnya:

Dari Al-A'mash dari Zaid bin Wahab dari Hudhaifah berkata Rasulullah s.a.w telah menceritakan kepada kami dua hadis aku telah mengetahui salah satu darinya, dan aku masih menunggu hadis yang kedua. Beliau menceritakan kepada kami bahawa amanah ditempatkan pada pangkal hati seorang lelaki. Setelah al-Quran diturunkan, mereka mula mempelajari al-Quran dan mereka mula mengetahui dari al-sunnah. Lalu beliau menceritakan kepada kami tentang hilangnya amanah dengan bersabda: "Seorang lelaki telah tidur lalu amanah telah diambil dari hatinya sehingga nampaklah bekasnya. Kemudian dia tidur lagi lalu diambil pula amanah dari hatinya sehinggakan bengkaknya seperti melepuh kerana terkena bara api yang jatuh dari kaki. Bekas tersebut terus membengkak, sedangkan tidak ada apa-apa didalamnya." Lalu beliau mengambil batu kecil lalu menjatuhkannya ke kaki beliau. Orang ramai kembali meneruskan urusan perdagangan masing-masing. Hampir tidak ada seorang pun yang menunaikan amanah, lantas dikatakan dalam kalangan Bani Fulanadah seorang lelaki yang sangat amanah, sehingga dikatakan untuk laki-laki tersebut, "alangkah tabahnya, alangkah cerdasnya, alangkah pintarnya." Sedangkan di hatinya tidak adapun iman walaupun sebesar biji sawi. Benar-benar telah datang kepadaku suatu zaman, dan aku tidak peduli kepada siapa diantara kalian yang mana aku berjual beli dengannya. Jika dia seorang Islam maka agamanya mencegah dari mengkhianatiku, seandainya dia seorang Nasrani atau Yahudi maka pemimpinnya akan mencegah dari mengkhianatiku. Adapun hari ini, aku hanya berjual beli dengan si fulan dan si fulan."

Huraian hadith:

Teks riwayat ini menyerupai dengan riwayat yang telah disebutkan dalam riwayat Bukhari sebelum ini. Berdasarkan perkataan amanah dalam hadith dari Hudhaifah ini telah dikupas oleh ulama tafsir dan *muhaddithin* (para pengkaji hadis) dengan memberikan makna dan gambaran yang cukup jelas dan menarik mengenai amanah. Menurut Al-Qadi 'Iyad, beliau menegaskan bahawa amanah itu ialah taklif atau beban yang dipikulkan ke atas bahu hambanya oleh Allah s.w.t. Ibn 'Abbas pula menyatakan bahawa amanah itu merupakan kewajipan yang dipertanggungjawabkan oleh Allah s.w.t kepada hambanya. Hassan Basri pula berpendapat amanah itu sendiri ialah agama, keseluruhan agama itu adalah amanah. Seorang lagi tokoh *muhaddithin* dan penghafal al-Quran iaitu Imam Abu Al-Aliyah (Rufai bin Mihran) memperkukuhkan pengertian amanah itu segala perkara yang diperintahkan kepada mereka untuk dilakukan serta segala yang dilarang kepada mereka untuk ditinggalkan. Pengertian perkataan dan maksud amanah itu akhirnya dibuat kesimpulan oleh tokoh *Asbab al-Nuzul* Imam Abu Hassan Al-Wahidi dengan menghuraikan maksud amanah bersandarkan Surah Al-Ahzab ayat ke-72 yang bermaksud:

“Sesungguhnya Kami telah kemukakan tanggungjawab amanah (Kami) kepada langit dan bumi serta gunung-ganang (untuk memikulnya), maka mereka enggan memikulnya dan bimbang tidak dapat menyempurnakannya (kerana tidak ada pada mereka persediaan untuk memikulnya) dan (pada ketika itu) manusia (dengan persediaan yang ada padanya) sanggup memikulnya. (Ingatlah) sesungguhnya tabiat kebanyakan manusia adalah suka melakukan kezaliman dan suka pula membuat perkara-perkara yang tidak patut dikerjakan.”

Dalam kupasan hadis ini turut dibincangkan bahawa amanah semakin hilang atau pudar dari hati manusia sedikit demi sedikit. Jika amanah pudar dan hilang cahayanya, lalu digantikan dengan kegelapan (*al-wakut*). Pudarnya warna ini diibaratkan tercabutnya sifat amanah dari dada manusia sedikit demi sedikit dan akhirnya yang tinggal hanyalah bekas hitam kegelapan.

Namun begitu, amanah sehingga kini masih tetap kekal di hati manusia. Buktinya masih wujud manusia yang tetap kekal memenuhi janji seperti janji jual beli (*Mubaya'ah*), ataupun jika manusia itu seorang Muslim sudah tentu agamanya secara automatik menghalangnya dari berkhianat sehingga dia menunaikan amanahnya. Melalui hadith ini, Rasulullah s.a.w menjelaskan bahawa amanah merupakan taklif hukum yang mewajibkan manusia untuk melaksana dan menunaikannya. Di samping itu, amanah diibaratkan seperti cahaya, jika cahaya itu pudar dan bertukar kepada kegelapan maka amanah itu semakin terhakis daripada dipraktikkan oleh manusia.

### 2.3.7 Amanah Kepimpinan dan Pengurusan

عن أبي ذر قال: قلت يا رسول الله ألا تستعلمني قال فضرب بيده على منكبي ثم قال يا أبا ذر إنك ضعيف وإنها يوم القيامة خزي وندامة إلا من أخذها بحقها وأدى الذي عليه فيها.

(Sahih Muslim, Kitab al-Imarah, Bab Karahah al-Imarah bi Ghayri Darurah, no. hadis: 1825, daripada Abu Dhar r.a)

Maksudnya:

Dari Abu Dhar r.a berkata, aku berkata: Wahai Rasulullah s.a.w, tidakkah engkau ingin menjadikanku sebagai pegawai (pentadbir)? Maka Rasulullah s.a.w menepuk bahu ini dengan tangannya seraya bersabda: “Wahai Abu Dhar, kamu ini lemah (untuk mentadbir Jabatan) walhal Jabatan merupakan amanah. Pada hari kiamat ianya adalah kehinaan dan penyesalan, kecuali bagi siapa yang mengambilnya dengan hak dan melaksanakan tugas dengan benar.

Huraian hadith:

Hadith diatas turut diriwayatkan oleh al-Bayhaqi dalam Sunan al-Kubra, Kitab al-Adab al-Qadi, Bab Karahiyah al-Imarah, Abu Dawud al-Tayalisi dalam Musnadnya, no. hadis:487, kedua-duanya daripada Abu Dhar r.a.

Hadith ini menceritakan mengenai Abu Dhar seorang sahabat Nabi s.a.w yang amat rapat dengan baginda s.a.w. Nabi s.a.w sendiri amat mengenali perwatakan Abu Dhar dan memahami latar belakang kehidupannya. Secara keseluruhannya hadith ini menjelaskan besarnya tanggungjawab serta amanah kepimpinan dan pengurusan dari kaca mata Islam. Bukan sebarang individu yang mampu memikul beban amanah itu. Justeru, hadith ini mengesyorkan agar dipilih kepimpinan itu dalam kalangan orang yang berkelayakan. Jika dipilih dalam kalangan orang yang tidak berkelayakan ianya mendatangkan kerosakan kepada sesuatu pentadbiran dan pengurusan. Imam al-Suyuti dalam *al-Dibaj ‘ala Sahih Muslim bin Hajjaj* menukilkan perkataan Imam al-Nawawi katanya: hadith ini sebagai dalil penghujahan yang kuat untuk tidak meminta jawatan sekiranya mereka yang ingin memegang jawatan tersebut lemah dan tidak mampu mengurus.

Di sudut lain pula, Nabi s.a.w menjelaskan kepada Abu Dhar r.a sabdanya: “Wahai Abu Dhar, sesungguhnya aku melihat engkau seorang yang lemah, aku amat suka untuk engkau apa yang aku suka untuk diriku, maka janganlah engkau menjadi ketua ke atas dua orang dan janganlah engkau menguruskan harta anak yatim. Hadis ini asal topiknya ialah larangan meminta jawatan kerana kelemahan pentadbir. Maksud penyesalan dalam potongan hadis itu semuanya merujuk kepada pemimpin yang mengambil hak sedangkan dia tidak berhak atau dia berhak tetapi tidak adil dalam melaksanakannya. Justeru, kepimpinan yang diperoleh dengan jalan berangan-angan, tidak amanah atau khianat adalah dilarang dalam Islam.

#### **4. DAPATAN KEFAHAMAN KAKITANGAN TERHADAP APLIKASI AMANAH**


Berikut adalah dapatan kefahaman kakitangan pekerja terhadap aplikasi amanah kakitangan Pejabat Agrobank Wilayah Johor/Melaka. Graf menunjukkan mereka memahami konsep amanah dalam pekerjaan mereka.

BIL.	PERKARA	STS	TS	TP	S	SS
------	---------	-----	----	----	---	----

1.	Undang-undang dan peraturan dapat mewujudkan masyarakat yang beretika.	0%	0%	0%	52%	48%
2.	Kebebasan dalam melakukan sesuatu perkara merupakan hak asasi setiap individu pekerja.	6%	34%	10%	38%	12%
3.	Egoism atau sikap mementingkan diri sendiri adalah prinsip utama saya.	60%	32%	4%	4%	0%
4.	Etika berkait rapat dengan akhlak seseorang.	0%	0%	4%	64%	32%
5.	Sifat bertolak ansur dan saling melengkapi sesama pekerja dapat mewujudkan semangat kerjasama dalam sesebuah organisasi.	0%	0%	0%	40%	60%
6.	Saya melaksanakan sesuatu tugas dengan jujur dan telus.	0%	0%	4%	62%	34%
7.	Saya menggunakan kemudahan fasiliti syarikat untuk kepentingan peribadi.	36%	48%	14%	2%	0%
8.	Saya gemar melayari media sosial ketika waktu bekerja.	28%	44%	20%	4%	4%
9.	Saya memegang nilai ikhlas dan amanah adalah kunci untuk sesebuah organisasi mencapai kejayaan.	0%	0%	4%	58%	38%
10.	Saya malu melanggar etika kerja walaupun tidak diketahui oleh orang lain.	6%	2%	4%	56%	32%
11.	Saya mempertahankan perkara yang betul dalam melaksanakan tugas yang diberikan.	0%	0%	2%	52%	46%
12.	Saya selalu menegur rakan sekerja saya dengan hikmah kerana kasih padanya.	0%	0%	20%	46%	34%
13.	Saya sentiasa melaksanakan tugas dengan sempurna.	0%	0%	6%	62%	32%
14.	Saya sentiasa menjaga hubungan yang baik sesama rakan sekerja.	0%	0%	2%	56%	42%

Jadual 3.7: Kefahaman Kakitangan Pekerja Terhadap Aplikasi Amanah





Rajah 3.1 Kefahaman Kakitangan Pekerja Terhadap Aplikasi Amanah

Jadual 3.7 menunjukkan kefahaman kakitangan pekerja terhadap aplikasi amanah. Seramai 50 orang kakitangan pekerja di Pejabat Agrobank W Johor/Melaka telah terlibat dalam kajian ini. Daripada jawapan responden yang diterima, majoriti responden memahami kefahaman tentang aplikasi amanah dan hanya beberapa soalan sahaja yang menunjukkan responden kurang faham. Skor min yang paling rendah terhadap ketidakfahaman kakitangan pekerja dalam mengaplikasikan amanah adalah menggunakan kemudahan fasiliti syarikat untuk kepentingan peribadi dan gemar melayari media sosial ketika waktu bekerja. Ini menunjukkan bahawa kakitangan pekerja masih tidak memahami secara menyeluruh tentang konsep amanah dalam pekerjaan. Kebanyakan mereka memberi respon tidak pasti dan menunjukkan bahawa mereka masih tidak mengetahui bahawa menggunakan kemudahan fasiliti yang diberikan oleh syarikat untuk kepentingan peribadi dan gemar melayari media sosial ketika waktu bekerja adalah antara perbuatan culas yang sering para pekerja alpa dalam menitikberatkan konsep amanah itu sendiri. Secara keseluruhannya, kefahaman kakitangan pekerja berkaitan aplikasi amanah adalah mencapai tahap tinggi dalam min iaitu 4.48.

## 5. RUMUSAN

Hasil dari kajian yang dijalankan, pengkaji dapat membuat kesimpulan mengenai beberapa perkara pokok yang telah diamati dan menjadi pemerhatian pengkaji. Pertama, pengkaji dapat menyimpulkan bahawa daripada kajian yang dijalankan berdasarkan tinjauan yang telah dilakukan oleh pengkaji terhadap kefahaman kakitangan pekerja di Pejabat Agrobank Wilayah Johor/Melaka tentang konsep amanah, pengkaji mengaitkan perbandingan etika kerja menurut barat, timur dan Islam. Selain itu, pengkaji juga menjelaskan konsep amanah menurut perspektif al-sunnah. Hal ini demikian kerana pengkaji membuat kesimpulan bahawa kelakuan dan kefahaman amanah tinggi di kalangan kakitangan pekerja di Pejabat Agrobank Wilayah Johor/Melaka ini. Berikut adalah perincian bagi rumusan:

- 1) Kebanyakan kakitangan pekerja sektor kewangan, majoriti daripada mereka memahami bahawa nilai amanah merupakan suatu keutamaan dalam sesuatu pekerjaan.
- 2) Namun begitu, terdapat segelintir kakitangan pekerja sektor kewangan yang masih kurang memahami konsep amanah sebagai suatu etika yang perlu dilazimi ketika bekerja.
- 3) Kefahaman kakitangan pekerja terhadap aplikasi amanah adalah tinggi, dan hanya segelintir sahaja yang kurang memahami konsep amanah yang sebenar.
- 4) Terdapat segelintir kakitangan pekerja yang tidak mengetahui etika penggunaan kemudahan fasiliti yang disediakan oleh syarikat terhadap kepentingan peribadi adalah termasuk dalam konsep amanah dalam pekerjaan.
- 5) Skor min paling rendah adalah pada soalan saya menggunakan kemudahan fasiliti syarikat untuk kepentingan peribadi.
- 6) Skor min tertinggi adalah pada soalan sifat bertolak ansur dan saling melengkapi sesama pekerja dapat mewujudkan semangat pekerja dalam sesebuah organisasi.

## 5. SARANAN

Memelihara amanah yang diberikan merupakan satu tanggungjawab yang perlu ditunaikan oleh setiap pekerja Muslim dengan sebaiknya dan tidak menyalahgunakannya sama sekali. Seorang pekerja Muslim yang amanah hendaklah melaksanakan tugas dengan penuh ketekunan dan kegigihan serta kesungguhan. Hal ini demikian kerana sebagai Muslim telah dipraktikkan dala kehidupan seharian khususnya melalui ibadah yang dilaksanakan seperti solat. Al-Quran menjelaskan bahawa solat mampu mencegah seseorang daripada melakukan dosa dan kemungkaran.

Isyarat ketekunan, kegigihan dan kesungguhan menjadi penanda aras bagi pelaksanaan sesuatu tugas oleh seseorang Muslim begitu jelas dalam sebuah hadis Rasulullah s.a.w yang diriwayatkan oleh Baihaqi dan ‘Aisyah r.a yang bermaksud:

*“Sesungguhnya Allah menyukai apabila salah seorang daripada kamu melakukan sesuatu pekerjaan, ia melakukannya dengan baik, sempurna lagi teliti.”*

Asas kepada nilai amanah seseorang pekerja juga hendaklah sentiasa berusaha memanfaatkan masa bekerja untuk menyelesaikan tugas yang diberikan. Ia perlu mengatur perancangan dengan baik agar tiada waktu yang berlalu dengan sia-sia atau sering menunda-nunda kerjanya. Hal ini demikian kerana ianya sangat penting untuk mengelakkan tugas yang diamanahkan tidak dapat disempurnakan dengan baik mengikut tempoh yang telah ditetapkan.

Masyarakat perlulah membudayakan sikap cintakan agama dan saling membantu dalam memberi contoh teladan yang baik sesama mereka. Selain itu, masyarakat juga perlu mengambil inisiatif untuk berusaha untuk mendalami nilai amanah agar dapat mengetahui dan mengamalkannya dengan lebih yakin. Sebagaimana dalam hadith Nabi s.a.w dalam kitab *Sahih Muslim* berkaitan amanah penyelamat umat di titian *Sirat*;

عن أبي هريرة وأبو مالك عن ربي عن حذيفة قال: قال رسول الله صلى الله عليه وسلم يجمع الله تبارك وتعالى الناس فيقوم المؤمنون حتى تزلف لهم الجنة فيأتون آدم فيقولون يا أبانا استفتح لنا الجنة فيقول وهل أخرجكم من الجنة إلا خطيئة أيكم آدم لست بصاحب ذلك اذهبوا إلى ابني إبراهيم خليل الله قال فيقول إبراهيم لست بصاحب ذلك إنما كنت خليلاً من وراء وراء اعمدوا إلى موسى الذي كلمة الله تكليماً فيأتون موسى صلى الله عليه وسلم فقول لست بصاحب ذلك اذهبوا عيسى كلمة الله وروحه فيقول عيسى صلى الله عليه وسلم لست بصاحب ذلك فيأتون محمداً صلى الله عليه وسلم فيقوم فيؤذن له وترسل الأمانة والرحم فتقومان جنبتي الصراط يمينا وشمالا فيمر أولكم كالبرق قال قلت بأبي أنت وأمي أي شيء كمر البرق قال ألم تروا إلى البرق كيف يمر ويرجع في طرفة عين ثم كمر الريح ثم كمر الطير وشدّ الرجال تجري بهم أعمالهم ونيبكم قائم على الصراط يقول ربّ سلّم حتى تعجز أعمال العباد حتى يحجّيء الرجل فلا يستطيع السير إلا زحفاً قال وفي حافتي الصراط كلاليب معلّقة مأمورة بأخذ من أمرت به فمخدوش ناج ومكدوس في النار والذي نفس أبي هريرة بيده إنّ قعر جهنم لسبعون حريقاً

(*Sahih Muslim, Kitab al-Iman, Bab Adna Ahl al-Jannah Manzilatun Fiha*, no. hadis:195, daripada Abu Hurayrah r.a.)

Maksudnya:

Dari Abu Hurayrah dan Abu Malik dari Rib'i dari Hudhaifah berkata bahawa Rasulullah s.a.w bersabda kelak di padang Mahsyar, Allah s.w.t akan mengumpulkan semua manusia. Lalu orang-orang mukmin bangkit, maka sejurus itu syurga didekatkan kepada mereka. Mereka mendatangi Nabi Adam a.s seraya berkata, "Wahai bapa kami, mohonlah bagi kami supaya pintu syurga segera dibukakan kepada kami, Adam a.s menjawab: "Aku tidak layak menunaikan permintaan kalian ini". Bukankah yang mengeluarkan kalian dari syurga adalah dari kesalahan aku sebagai bapamu. Pergilah kalian minta dari anakku Ibrahim Khalilullah". Rasulullah s.a.w bersabda lalu Ibrahim a.s menjawab: "Aku tidak juga layak memohonkan permintaan ini untuk kalian, kerana aku hanyalah kekasih, yang didepannya masih ada lagi beberapa orang kekasih. Mintalah kepada Nabi Musa yang pernah diajak Allah s.w.t untuk berbicara dalam percakapan". Maka mereka mendatangi Musa, namun Baginda a.s berkata: "Aku tidak juga layak memohonkan permintaan ini untuk kalian, mintalah kepada Nabi Isa yang telah diciptakan dengan kalimat Allah dan ditiupkan daripadanya". Namun, Nabi Isa a.s

juga menolak seraya berkata, “Aku tidak juga layak memohonkan permintaan ini untuk kalian”. Maka mereka pun pergi mendapatkan Nabi Muhammad s.a.w, kemudian Baginda s.a.w berdiri dan dibukakanlah pintu untuknya, kemudian diutuskannya amanah dan silaturrahim hingga keduanya berdiri di kedua tepi Sirat (jambatan) kanan dan kiri. Lalu orang yang paling cepat dari kalian melewati sirat adalah seperti kilat. Aku (Abu Hurayrah) berkata: “Bapa dan ibuku sebagai tebusanmu, secepat kilat bagaimana maksud Tuan?” Baginda s.a.w menjawab: “Tidakkah kamu melihat bagaimana kilat itu berlalu dan kembali lagi dengan sekejap mata?” Kemudian yang kedua secepat hembusan angin, lalu secepat burung terbang, lalu ada juga yang berlari kencang di atasnya disebabkan amal kebajikannya. Ketika itu Nabi kalian berdiri dekat dengan sebelah sirat, dan selalu mendoakan “Wahai tuhanku, selamatkanlah dia, selamatkanlah dia. Sampai pula kepada hamba yang pahalanya sangat sedikit, hingga ada orang lelaki yang datang tidak dapat melalui sirat itu melainkan hanya dengan merangkak sedangkan pada sisi keduanya terdapatnya rangkaian besi tajam yang tergantung dan akan mengambil setiap orang yang diperintahkan diambil, hingga ada orang yang selamat akan tetapi tubuhnya tertarik-carik, dan ada pula manusia yang akhirnya terlempar ke dalam neraka. Dan demi Zat yang jiwa Abu Hurayrah ada di tangannya, sesungguhnya dasar neraka itu dapat dicapai dengan perjalanan tujuh puluh tahun lamanya.

Huraian hadith:

Selain daripada Imam Muslim, hadith diatas turut ditemui dalam riwayat al-Bazzar, *Musnad Abu Malik al-Rab'ie 'an Hudhayfah*, no. hadis: 2840.

Hadis ini meneritikan perihal syafaat Nabi Muhammad s.a.w kepada umatnya. Syafaat Nabi merupakan kasihan belas dan ihsan Nabi Muhammad kepada umatnya pada masa saat yang paling getir iaitu di Padang Mahsyar. Hadith ini memperihalkan sekumpulan mukmin berdialog dengan beberapa orang Nabi dan dimulai dengan Nabi Adam a.s, kemudian Nabi Ibrahim a.s, Nabi Musa a.s, Nabi Isa a.s, dan akhirnya Nabi Muhammad s.a.w sebagai Nabi terakhir dengan hajat memohon pertolongan agar hisab disegerakan bagi mereka. Setelah keempat-empat orang nabi tersebut ditemui dan semuanya menolak, akhirnya mereka pergi mendapatkan Nabi Muhammad s.a.w. Baginda s.a.w kemudian berdiri dan dibukakan pintu syurga itu untuk mereka, diutuskannya amanah dan silaturrahim hingga keduanya berdiri dikedua-dua tepi *Sirat* (jambatan) kanan dan kiri. Nabi Muhammad s.a.w menukilkan pelbagai ragam dan cara umat melewati *Sirat*. Semuanya mengikut kedudukan amalan masing-masing. Dalam hadith ini, menjelaskan bahawa meningkat dan berkurangnya keimanan seseorang itu adalah berdasarkan amalannya. Hadis ini juga membuktikan bahawa Nabi Muhammad s.a.w mempunyai mukjizat dan syafaat yang dapat menyelamatkan umatnya. Selain itu, berbuat baik, silaturrahim dan menunaikan amanah merupakan antara perkara yang disebutkan oleh Nabi Muhammad s.a.w yang boleh membantu umat melewati titian *sirat* dengan selamat.

Disamping itu juga, apabila amanah telah dipraktikkan oleh sesebuah komuniti masyarakat secara tidak langsung para pekerja yang amanah ketika berurusan dengan pelanggan dapat mewujudkan keyakinan dan kepercayaan yang lebih daripada masyarakat. Secara tidak langsung, ianya juga merupakan salah satu faktor untuk meningkatkan kredibiliti sesebuah organisasi.

#### 4.5 KESIMPULAN

Sebagai umat Islam, kita tidak berhak untuk mengatakan apa sahaja yang tidak diketahui oleh masyarakat awam. Suatu kesalahan besar apabila kita sebagai umat Islam menyampaikan ilmu berkaitan agama tanpa mempunyai pengetahuan tentangnya dan ianya adalah kesalahan besar juga di sisi ajaran Islam. Justeru itu, berdasarkan penerangan dan penjelasan pada setiap bab dan saranan yang telah diberikan, pengkaji berharap agar kajian ini dapat membantu sedikit sebanyak berkenaan pengetahuan tentang konsep amanah menurut perspektif as-Sunnah kepada masyarakat umum.

#### RUJUKAN

- Faisal & Hanafi, A. S. (2017). *Konsep Integriti Menurut Hadis Nabi*. Kuala Lumpur: Universiti Malaya.
- Nurzatil Ismah & et. al, . (2017). Konsep Amanah Menurut Perspektif Hadith. 330-336.
- Saifullah, (2017). *Konsep Pembentukan Karakter Siddiq Dan Amanah Pada Anak Melalui Pembiasaan Puasa Sunat*. 77-102.
- Megat Ayop & Abd Halim. (2016). *Kepentingan Budaya Integriti dan Etika Kerja Dalam Organisasi Di Malaysia*.
- Razaleigh, M. (2015). *Pengurusan Etika Kerja dan Perkhidmatan Islam*. Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Jamiah et.al. (2015). *Integriti Konsep Dan Amalan*. Kangar : Universiti Malaysia Perlis.
- Zainab Aman, K. (2015). Faktor-faktor Yang Mempengaruhi Prestasi Kerja Dalam Kalangan Staf Sokongan KUIS.
- Mohd Hasrul Shuhari, Mohd Fauzi Hamat. (2015). *Nilai-nilai Penting Individu Muslim Menurut Al-Ghazali*. 9.
- Mohd Khadafi, Rofie. (2015). *Prinsip Etika Kerja Islam Menurut al-Quran dan al-Sunnah: Satu Penilaian Terhadap Karya Penulis Etika Kerja Islam di Malaysia*.
- Sharifah Hayaati Ismail. (2010). *Etika Penjawat Awam Dari Perspektif Islam*. Jil. 9. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Muhammad Ali al-Hashimi. (2010). *Kepribadian Seorang Muslim*.
- Sabri, H. H. (2001). *Etika dan Falsafah Pemikiran Barat Dalam Konteks Perniagaan di Malaysia*. ALJ Publications.
- Zalikhah & Faridah, A. K. (n.d.). Kemahiran Kerja Berpasukan. *Etika Dalam Pekerjaan Dari Perspektif Islam*.
- Nor Hafilah Musa. (t.t). *Penerapan Konsep Mas'uliyah dan Amanah Dalam Pentadbiran Awam ke Arah Bersih Rasuah: Kajian di Majlis Perbandaran Kota Bharu*.

- Zalika Adam, Faridah Kassim. (2008). *Kemahiran Kerja Berpasukan: Etika Dalam Pekerjaan Dari Perspektif Islam*. 18-19.
- Sharifah Hayaati et.al. (2008). *Pengukuhan Nilai Dan Profesionalisme Di Kalangan Penjawat Awam Ke Arah Efektif Governan Di Malaysia*. 17.
- Rashidi Abbas. (2014). *Kemahiran generik: Hubungan Nilai Amanah Dengan Etika Dan Moral Profesional Dalam Kalangan Pelajar Universiti Teknikal Malaysia*. 2.
- Zainal Yang. (2003). *Nilai Etika Dan Budaya Kerja Dalam Pentadbiran Sektor Awam Di Malaysia Dari Perspektif Islam*. 2.
- Muhammad Mustakim et.al. (2015). *Kajian Kes Perlaksanaan Etika Kerja Islam (EKI) di Johor Corporation (JCorp): Tumpuan Kepada Perlaksanaan dan Faedahnya*. 105-118.
- Sharifah Hayaati. (2008). *Budaya Kerja Cemerlang Menurut Perspektif Islam: Amalan Perkhidmatan Awam Malaysia*.1. 187-207.
- Ahmad Bashir et.al. (t.t). *Nilai Dan Etika Pengurusan: Analisa Dari Perspektif Agama-Agama Di Malaysia*.
- Suraiya Ishak. (2011). *Model Kepimpinan Etika Berlandas Sirah Nabi Muhammad SAW (Ethical Leadership Model Based on Prophet Muhammad PBUH Biography)*. 2. 23-24.
- Noriah et.al. (2003). *Kecerdasan Emosi Dan Hubungannya Dengan Nilai Kerja*. 1. 77-84.
- Shahrulanuar et.al. (2012). *Pembangunan Etika dan Moral Dalam Kursus-kursus Yang Ditawarkan Di Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTEM)*.
- Mohd Khadafi et.al. (2016). *Perlaksanaan Etika Kerja Islam: Persepsi Masyarakat Terhadap Kewartawanan Islam Media Arus Perdana Dan Alternatif*. 2.
- Utusan. (2015). <https://www.utusan.com.my/mega/agama/menggunakan-harta-syarikat-1.74163>.  
27 mac.
- Sinar Harian. (2015). <http://www.sinarharian.com.my/mobile/edisi/selangor-kl/tidak-rasa-terancam-punca-buat-kerja-sambil-lewa-1.360903>. 16 Februari.
- Sinar Harian. (2013). <http://www.sinarharian.com.my/mobile/politik/amanah-bekerja-bawa-berkat-1.233979>. 25 Disember.
- Utusan. (2010). <https://www.utusan.com.my/rencana/utama/amanah-asas-dalam-diri-pekerja-1.356857>. 16 April.

